



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM 'WALKABOUT' YAB MENTERI BESAR PERLIS, TUAN MOHD SHUKRI BIN RAMLI KE NAT BEHOR LATEH SEMPENA KEMPEN NAT BEBAS SAMPAH NEGERI PERLIS

Tarikh : 17 Mac 2023 (Jumaat)

Tempat : Nat Behor Lateh, Jalan Kangar – Alor Setar, Kg. Titi
Serong, 01000 Kangar, Perlis

1. **Kebersihan adalah tuntutan agama**. Masyarakat suka kepada keadaan persekitaran yang bersih. Begitu juga dengan kawasan perniagaan. Di Negeri Perlis, pasar pagi atau 'nat' merupakan salah **satu lokasi popular** yang menjadi tumpuan pelancong dan masyarakat tempatan untuk mendapatkan barangan keperluan harian.
2. Secara umumnya, tujuan Kempen Nat Bebas Sampah ini diadakan adalah **selaras dengan salah satu matlamat di bawah Agenda Perlis Bersih Sihat (2021-2025)** iaitu untuk **memberi kesedaran kepada orang ramai khususnya para peniaga** di nat/ pasar pagi/ pasar malam untuk meningkatkan aspek kebersihan di kawasan/ lot/ petak niaga mereka ketika pengoperasian dan selepas perniagaan dijalankan. Kempen ini juga **mempromosikan amalan kitar semula** yang boleh dilakukan oleh para peniaga untuk menguruskan sisa perniagaan dengan lebih baik dan teratur.

3. Kerajaan Negeri juga merancang untuk **memperluaskan lagi promosi dan kempen** nat bebas sampah ini kepada semua nat/ pasar pagi, pasar malam dan pasar tani di negeri ini. Untuk ini, Kerajaan Negeri **menggesa semua pihak terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta penganjur-penganjur pasar pagi/ pasar malam/ pasar tani untuk memperkemaskan serta menambah baik syarat-syarat** dalam aspek penjagaan kebersihan di pihak penganjur dan para peniaga agar aspek penjagaan kebersihan ini bukan terletak di pihak Kerajaan dan Jabatan/ Agensi sahaja, malah **perlu dipertanggungjawabkan secara bersama** oleh semua pihak.
4. Kerajaan Negeri yakin bahawa sekiranya aspek kebersihan di kawasan-kawasan perniagaan, termasuk di nat serta tempat-tempat makan ini ditingkatkan oleh peniaga dan pemilik premis, maka **pengunjung akan meningkat, bahkan boleh menjadi lokasi tarikan pelancong juga. Ini sekaligus akan meningkatkan ekonomi mereka.**
5. Kerajaan Negeri juga amat berharap agar para peniaga dapat **memberi kerjasama yang baik** kepada pihak Kerajaan melalui Jabatan/ Agensi yang mengawal selia dalam pengurusan sisa pepejal dan kutipan sampah di nat/ pasar pagi/ pasar malam supaya mematuhi amalan kebersihan dengan **pembuangan sampah secara teratur di pusat-pusat tong sampah** yang telah disediakan.

KERAJAAN NEGERI PERLIS

Tarikh : 17 Mac 2023

Semua kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Perlis hanya dipaparkan di portal rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis untuk rujukan awam : www.perlis.gov.my